



Ruj Kami : BTPN(JOH) 8873/1/4 ()

Tarikh : 03 Julai 2018

**Pengetua
Sekolah-sekolah Menengah
Negeri Johor Teknologi 4G**

Tuan,

PELAKSANAAN STANDARD KOMPETENSI DIGITAL (*DIGITAL COMPETENCY STANDARDS – DCS*) MURID TAHUN 2018

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Untuk makluman, Kementerian Pendidikan Malaysia dan *Malaysia Digital Economy Corporation* (MDEC) sedang giat menjayakan Pembestarian Sekolah Gelombang 4 : Konsolidasi dan Kelestarian (2011 – 2020) seperti surat dengan rujukan bernombor : KPM 600-11/1/4 Jld 2.37 (37) bertarikh 31 Mei 2018.

3. Sehubungan itu, penilaian Standard Kompetensi Digital (*DIGITAL COMPETENCY STANDARDS – DCS*) akan dilaksanakan di sekolah-sekolah menengah teknologi 4G bermula **1 Julai 2018 sehingga 31 Julai 2018** secara atas talian pada pautan berikut :

<http://btpnjohor.moe.gov.my>

4. Pelaksanaan penilaian DCS di sekolah-sekolah terpilih ini akan diuruskan oleh pihak kami dan Pusat Kegiatan Guru (PKG) zon masing-masing. Bagi bantuan penyelarasan di peringkat sekolah, Guru Penyelaras Bestari / Guru Penyelaras ICT bertanggungjawab membantu proses penilaian murid.

5. Video tatacara pelaksanaan DCS boleh dilayari di pautan berikut :

- i. www.gg.gg/dcs2018schooladmin
- ii. www.gg.gg/dcs2018classteacher
- iii. www.gg.gg/dcs2018students

6. Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi En Abu Bakar bin Baharom, Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Johor di talian 010-4541295 atau 07-5581893.

Sekian terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,


HAJ SHAHARUDIN BIN SHARIF
Pengarah Pendidikan Negeri Johor
Jabatan Pendidikan Negeri Johor